

TARIKH : 22 NOVEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 19

Sesi ujian akhir MRT laluan Putrajaya fasa dua bermula



Tren ujian untuk laluan Putrajaya fasa dua akan diadakan hari ini sehingga 18 Disember.

(Foto hiasan)

Sesi ujian akhir MRT laluan Putrajaya fasa dua bermula

Kuala Lumpur: Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) bersama MRT Corp akan menjalankan sesi ujian akhir operasi transit aliran massa (MRT) laluan Putrajaya fasa dua sebagai persediaan untuk pengoperasian penuh perkhidmatan itu.

Rapid Rail menerusi kenyataan memaklumkan, sesi ujian membabitkan operasi tren ujian dari Stesen Putrajaya Sentral ke Kwasa Damansara itu akan diadakan hari ini sehingga 18 Disember.

"Tren ujian ini akan berhenti di semua stesen MRT laluan Putrajaya fasa satu dan tidak akan

mengambil penumpang.

"Ketika sesi ujian percubaan akhir operasi ini dijalankan, kekerapan operasi tren MRT laluan Putrajaya fasa satu juga akan berubah kepada lapan minit pada waktu puncak di sebelah pagi pagi dan petang iaitu antara 7 pagi hingga 9.30 pagi dan 5 petang hingga 7.30 malam.

"Untuk waktu luar puncak pula, tempoh kekerapan tren adalah 12 minit," katanya.

Uji keberkesanan sistem

Rapid Rail juga berkata, ujian percubaan akhir terbabit ada-

lah antara prasyarat ditetapkan untuk mengukur dan menguji keberkesanan sistem, sebelum kelulusan dapat diberikan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi pengoperasian penuh MRT laluan Putrajaya.

Untuk makluman penumpang di stesen, notis dipaparkan dan pengumuman juga dibuat di stesen, selain dipasang pada pintu tren ujian bagi makluman pengguna.

Sebarang pertanyaan, pengguna boleh menghubungi talian khidmat pelanggan Rapid KL di 03-78852585.